

BAHAGIAN A**SOALAN 1 – FAHAMAN**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan ayat yang lengkap.

MENJAGA KEBERSIHAN TUNTUTAN ISLAM

Kebersihan ialah menjaga diri dari kebersihan fizikal dan mental. Islam amat menyukai orang yang cintakan kebersihan serta sentiasa menjaganya kerana kebersihan adalah asas kepada kesihatan. Perlu diketahui bahawa menjaga kebersihan ini termasuk di dalam ciri-ciri orang yang beriman, sebagaimana dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Dari Abu Malik al-As'hari berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Kebersihan itu sebahagian daripada iman." Riwayat Imam Muslim.

Memandangkan kebersihan ini sangat dituntut dalam Islam, oleh itu jadikanlah ia budaya dalam kehidupan kita. Membudayakan amalan hidup bersih ini seharusnya bermula dari rumah. Ibu bapa hendaklah membimbing dan mendidik anak-anak sejak dari kecil lagi seperti mana peribahasa Melayu 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Antara contoh yang boleh ditunjukkan oleh ibu bapa adalah dengan mempraktikkan amalan kebersihan di hadapan anak-anak seperti membuang sampah di tempat yang sepatutnya, membasuh tangan sebelum dan selepas makan, menutup mulut ketika batuk atau bersin dan sebagainya.

Selain itu, kebersihan luar rumah juga perlu diambil perhatian seperti memotong rumput-rumpai di halaman dan di sekeliling rumah, membersihkan longkang dan saliran air. Begitu juga sampah sarap janganlah dibuang merata-rata tempat sehingga mengganggu jiran dan orang lain.

Sesungguhnya, ibu bapa memainkan peranan utama bagi memastikan anak-anak mengamalkan nilai kebersihan dalam kehidupan agar dapat melahirkan generasi yang sihat dan cergas pada masa hadapan. Budaya dan amalan kebersihan ini akan menjadikan sesebuah negara itu disanjung tinggi di mata dunia.

Disesuaikan dari petikan:

Khutbah Jumaat, 'Membudayakan Amalan Kebersihan'

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kebersihan?

[2 markah]

2. Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan?

[2 markah]

3. Dari manakah bermulanya membudayakan amalan kebersihan?

[2 markah]

4. Siapakah yang sepatutnya memulakan mengajar tentang kebersihan?

[2 markah]

5. Berikan DUA kesan kepada negara jika kebersihan tidak diamalkan.

(i)

(ii)

[4 markah]

Lihat sebelah

6. Berikan **DUA** amalan kebersihan yang dapat ibu bapa tunjukkan di hadapan anak-anak.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]

7. Nyatakan **DUA** pengajaran yang dapat diambil dari petikan khutbah ini.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]

[20 markah]